



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**SEMINAR PEMBANGUNAN PASARAN MODAL BRUNEI DARUSSALAM 2025:
*UNLOCKING POTENTIAL FOR THE BRUNEI DARUSSALAM SUKUK MARKET***

**28 OKTOBER 2025
THE RIZQUN INTERNATIONAL HOTEL, BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dan *Credit Guarantee and Investment Facility* (CGIF), sebuah tabung amanah di bawah *Asian Development Bank* (ADB), telah menganjurkan bersama *Brunei Darussalam Capital Market Development Seminar 2025: Unlocking the Potential for the Brunei Darussalam Sukuk Market* pada 28 Oktober 2025 di The Rizqun International Hotel, Bandar Seri Begawan. Seminar tersebut telah dihadiri oleh 150 peserta daripada pelbagai sektor bagi membincangkan mengenai peluang menggunakan sukuk korporat sebagai kaedah pembiayaan alternatif.

2. Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrain bin POKSPDSS Dr. Haji Ahmad, Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I) menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai asas yang kukuh dalam penerbitan Sukuk semenjak tahun 2006 dan peluang yang semakin luas untuk memperkembangkan penerbitan daripada Sukuk Kerajaan kepada Sukuk korporat dan infrastruktur. Usaha ini turut disokong oleh mekanisme serantau seperti jaminan kredit yang ditawarkan oleh CGIF. YM Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I) juga menekankan peranan penting *Government-linked companies (GLCs)*, institusi-institusi kewangan dan pihak pengawal selia dalam menggalakkan inovasi, meningkatkan keyakinan pasaran serta memperluas akses kepada pembiayaan yang patuh Syara'.
3. Dalam ucapatama beliau, Anuj Aswathi, *Vice President of Operations*, CGIF menggariskan potensi pasaran modal Brunei Darussalam, khususnya sukuk. Beliau menjelaskan bahawa mandat CGIF adalah untuk membangunkan pasaran bon mata wang tempatan, dan CGIF berhasrat untuk bekerjasama dengan pengawal selia, penerbit, serta pemain pasaran modal lain ke arah penerbitan sukuk korporat.
4. Seminar tersebut diakhiri dengan ucapan penutup dari wakil CGIF, yang menegaskan bahawa komitmen untuk memperkukuhkan kerjasama antara semua pihak berkepentingan dalam usaha membangunkan pasaran modal yang lebih dinamik, berdaya tahan dan inklusif, sekali gus menyokong agenda kepelbagaian ekonomi Negara Brunei Darussalam, pertumbuhan yang berdaya tahan serta kemakmuran serantau.

Disediakan oleh:
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Emel: fo@mofe.gov.bn
Rujukan: KKW/SFO/SUK
Tarikh: 28 Oktober 2025